

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa Family Takaful Berhad ("Pengendali Takaful /Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai pelan OneMedical Takaful. Anda juga diminta untuk membaca terma dan syarat amnya.	OneMedical Takaful
	<Tarikh>

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

OneMedical Takaful ialah satu pelan perubatan boleh diperbaharui secara tahunan yang menyediakan perlindungan perubatan sehingga umur 85 tahun. Produk ini tidak menyediakan sebarang elemen simpanan atau pelaburan.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

a) Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' (derma) di mana Peserta-peserta bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian tertentu dari sumbangan untuk Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada peserta-peserta, jika diperlukan.

b) Wakalah

Pelan ini menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana peserta-peserta melantik Kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP). Fi Wakalah ditolak daripada sumbangan setiap sijil. Peserta juga bersetuju untuk memberikan Kami untuk mewakilkan hak-hak, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami anggap sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk mengurus dan melabur DRP, dengan syarat bahawa, dengan perwakilan sedemikian, Kami akan kekal bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap peserta.

c) Dana Risiko Peserta (DRP)

Sumbangan ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebihan daripada DRP diperuntukan untuk peruntukan luar jangka dan akan diagihkan mengikut polisi lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. Lebihan dari DRP akan ditentukan dan diagihkan oleh Kami, jika ada, pada setiap tahun. 50% daripada sebarang lebihan yang diagihkan akan dikongsi di antara peserta-peserta yang sijilnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan DRP, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak upah yang menentukan asas pengagihan perkongsian lebihan.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Jadual Manfaat

Jenis Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Had Tahunan Keseluruhan	RM60,000	RM120,000	RM160,000
Had Sepanjang Hayat Keseluruhan	Tiada Had		
Bahagian A: Manfaat-manfaat Pesakit Dalam & Pembedahan Balik Hari			
Caj Bilik dan Makanan Di Hospital (had RM harian)	RM120	RM220	RM320
Caj Bilik dan Makanan Di Hospital (had bilangan hari tahunan)	Tiada Had		
Caj Unit Rawatan Rapi (Tiada had hari tahunan)	Seperti yang dicaj (tertakluk kepada had tahunan keseluruhan)		
Fi Pembedahan			
Fi Pakar Bius			

Fi Bilik Bedah	
Caj Bekalan & Perkhidmatan Hospital	
Caj Lawatan Pakar Perubatan / Pakar Dalam Hospital (terhad kepada 2 lawatan sehari)	
Fi Pembedahan Balik Hari	
Fi Ambulans	
Bahagian B: Manfaat-manfaat Pesakit Luar	
Caj Ujian Diagnostik Pra Hospital (dalam 60 hari sebelum penghospitalan)	Seperti yang dicaj (tertakluk kepada had tahunan keseluruhan)
Fi Rundingan Pra Hospital (dalam 60 hari sebelum penghospitalan – maksima 2 rundingan pengamal am dan 1 rundingan pakar)	
Caj Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam 90 hari selepas pelepasan)	
Caj Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan	
Caj Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	
Caj Rawatan Kanser Pesakit Luar	
Bahagian C: Manfaat Tunai Penyakit Berjangkit	
Manfaat tunai akan dibayar sekali gus apabila didiagnosis dan dimasukkan ke hospital di Malaysia disebabkan oleh penyakit berjangkit yang dilindungi seperti berikut: a. COVID-19 b. Virus Zika c. MERS-CoV d. SARS e. Malaria f. Sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.	RM2,200 (Maksimum 3 tuntutan, tertakluk kepada 1 tuntutan bagi setiap tahun sijil.)
Deduktibel (Pilihan)	
Amaun Deduktibel	RM1,000 (Bagi setiap Penghospitalan. Hanya terpakai untuk Bahagian A: Manfaat-manfaat Pesakit Dalam & Pembedahan Balik Hari)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Sumbangan anggaran yang perlu anda bayar ialah RM <contribution> <contribution mode> untuk <plan type> <dengan amaun deduktibel RM1,000>.

Sumbangan yang anda perlu bayar mungkin berbeza berdasarkan jenis pelan, pilihan deduktibel, pekerjaan dan umur orang yang dilindungi pada hari jadi berikutnya pada tarikh permulaan. Pelan ini boleh diperbaharui secara tahunan sehingga umur 85, sumbangan adalah tidak dijamin dan akan berubah mengikut umur hari jadi berikutnya bagi orang yang dilindungi pada pembaharuan sijil semasa. Kami berhak untuk mengubah kadar sumbangan (tertakluk kepada keperluan, kewajaran dan atas alasan yang kukuh) dengan memberikan notis 30 hari lebih awal.

Sila rujuk Lampiran 1 untuk kadar sumbangan semasa.

Semua sumbangan (jika berkenaan) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan yang ditentukan perlu oleh pihak berkuasa percukaian Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang Anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah fi-fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Fi Wakalah adalah penolakan RM<wakalah amount> atau 27% dari sumbangan bagi tahun sijil. Tiada komisen di caj ke atas produk ini, seluruh fi Wakalah dibayar kepada Kami bagi tujuan menanggung kos pengurusan pelan ini.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- a) Kepentingan Pendedahan – Untuk membantu Kami membuat keputusan yang tepat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma sijil anda, anda dikehendaki menyatakan dengan sepenuhnya semua maklumat yang relevan, termasuk keadaan perubatan (jika berkenaan) dan umur dengan betul. Sekiranya maklumat ini ditahan atau didapati tidak tepat, ia berkemungkinan akan menyebabkan pembatalan kontrak, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat sijil diubah.
- b) Pembayaran sumbangan perlu diterima dalam tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh sumbangan tersebut perlu dibayar. Sekiranya sumbangan yang perlu dibayar tersebut tidak diterima dalam masa tempoh tangguh tersebut, sijil anda akan luput.
- c) Kelayakan Bilik dan Makanan Di Hospital – Jika anda dimasukkan ke hospital dengan kadar Bilik dan Makanan yang lebih tinggi daripada kelayakan manfaat anda, anda perlu membayar perbezaan di antara caj Bilik dan Makanan.
- d) Deduktibel - Deduktibel adalah pilihan. Jika anda memilih deduktibel, anda perlu membayar amaun deduktibel sebanyak RM1,000 untuk perbelanjaan perubatan yang ditanggung bagi setiap penghospitalan, baki perbelanjaan perubatan yang ditanggung akan dibayar oleh Kami selepas ditolak amaun deduktibel RM1,000
- e) Tempoh Percuma – Anda mempunyai pilihan untuk membatalkan sijil atas sebarang sebab dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis dalam tempoh 15 hari selepas sijil telah diterima. Kami akan membatalkan sijil ini dan mengembalikan sumbangan yang telah dibayar. Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh 15 hari, sijil ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada Kami pada tarikh Kami menerima sijil ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika sijil ini dihantar kepada Kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika sijil ini dihantar secara elektronik.

Untuk permohonan baru di bawah pakej keluarga di mana semua sijil dikeluarkan bersama pada masa yang sama, sebarang permintaan pembatalan dalam tempoh percuma, seluruh pakej keluarga akan dibatalkan. Kami akan mengembalikan jumlah sumbangan yang telah dibayar untuk pakej keluarga atas pembatalan sijil.

- f) Sijil ini boleh diperbaharui setiap tahun mengikut pilihan anda. Sekiranya sijil tidak diperbaharui, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti selanjutnya di bawah sijil ini.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil untuk terma-terma dan syarat-syarat yang terperinci.

7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

Pelan ini tidak melindungi apa-apa Manfaat Perubatan jika ianya berlaku disebabkan:

- a) Apa-apa keadaan perubatan yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula sijil yang terkini, kecuali jika disebabkan oleh kemalangan;
- b) Pelbagai keadaan yang ditetapkan yang timbul dalam tempoh 120 hari yang pertama dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula sijil yang terkini;
- c) Keadaan sedia ada;
- d) Apa-apa rawatan atau caj yang tidak munasabah, tidak diperlukan dari segi perubatan, kosmetik; diagnostik (kecuali yang menyebabkan penghospitalan atau pembedahan), uji kaji, pencegahan, atau rawatan-rawatan yang sama;
- e) Apa-apa rawatan bagi tidur atau gigi, kecuali rawatan pergigian berkaitan dengan kemalangan yang diperlukan bagi rawatan hospital;
- f) Prosedur mata, atau ujian termasuk tetapi tidak terhad kepada, pembiasan atau pembedahan pembetulan penglihatan dekat (Keratotomi Radial), atau penglihatan jauh (Lasik), kecuali diperlukan untuk mengelakkan kebutaan kekal dan menyeluruh;
- g) Kos ubat menerusi kaunter, prostetik, rehat pulih, sanitaria, pendermaan organ atau tisu, kehamilan, kemandulan, prosedur penugasan semula jantina, perancangan keluarga, pensterilan, penyuntutan, atau keadaan kelahiran / kongenital / keturunan;
- h) Keadaan yang berkaitan dengan psikiatrik, mental atau sistem saraf;
- i) Manfaat-manfaat yang dilindungi oleh polisi atau sijil perubatan yang lain.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk pada sijil untuk pengecualian yang menyeluruh.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

Sekiranya notis pembatalan bertulis diterima selepas tempoh 15 hari tersebut, anda mungkin berhak ke atas lebihan DRP, jika ada. Selain itu, anda mungkin layak bagi pengembalian sebahagian sumbangan, dengan syarat anda tidak membuat tuntutan dalam sijil tahun semasa, dan sumbangan anda tidak dibayar secara bulanan.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami segala perubahan kepada butir-butir peribadi anda (termasuk penama) supaya Kami boleh menghubungi anda tepat pada waktunya. Sila tulis dan hantar ke alamat Kami di Etiqa Family Takaful Berhad, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur; atau faksimili ke 03 – 2297 3800; atau e-mel ke info@etiqa.com.my; atau hubungi talian 03 – 2297 3888; atau Etiqa Oneline di 1-300-13-8888.

10. Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Etiqa Oneline ditanian 1-300-13-8888, atau tulis ke Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506), Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur; atau faksimili ke 03-2297 3800, atau e-mail ke info@etiqa.com.my; atau hubungi talian 03 – 2297 3888, atau kunjungi www.etiqa.com.my. Etiqa Family Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

11. Lain-lain jenis perlindungan Takaful serupa yang ada.

Sila rujuk kepada laman web Kami di www.etiqa.com.my untuk jenis-jenis perlindungan serupa yang sedia ada.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM SIJIL TAKAFUL KELUARGA MERUPAKAN SUATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA JUGA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini sah pada [<tarikh dikeluarkan>](#).

Lampiran 1 – Jadual Kadar Sumbangan Tahunan (Lelaki & Perempuan)

Tanpa Deduktibel

Deduktibel RM1,000

Umur Hari Jadi Berikutnya	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
1-5	1,326	1,577	1,916
6-15	618	734	892
16-25	720	855	1,039
26-30	803	956	1,157
31-35	851	1,015	1,225
36-40	960	1,145	1,380
41-45	1,139	1,359	1,639
46-50	1,459	1,742	2,101
51-55	1,954	2,332	2,814
56*	2,535	3,028	3,654
57*	2,726	3,256	3,929
58*	2,938	3,509	4,235
59*	3,175	3,791	4,576
60*	3,489	4,168	5,030
61*	3,775	4,509	5,443
62*	4,083	4,877	5,887
63*	4,414	5,273	6,365
64*	4,770	5,698	6,878
65*	5,153	6,156	7,431
66*	5,564	6,647	8,024
67*	6,006	7,175	8,662
68*	6,481	7,742	9,347
69*	6,990	8,351	10,082
70*	7,652	9,142	11,037
71*	8,207	9,805	11,837
72*	8,761	10,468	12,638
73*	9,316	11,131	13,438
74*	9,871	11,794	14,239
75*	10,426	12,457	15,039
76*	10,980	13,119	15,840
77*	11,535	13,782	16,640
78*	12,090	14,445	17,440
79*	12,645	15,108	18,241
80*	13,199	15,771	19,041
81*	13,754	16,434	19,842
82*	14,309	17,097	20,642
83*	14,863	17,760	21,443
84*	15,418	18,423	22,243

Umur Hari Jadi Berikutnya	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
1-5	1,194	1,420	1,726
6-15	558	661	804
16-25	649	770	936
26-30	724	861	1,042
31-35	767	914	1,104
36-40	865	1,032	1,243
41-45	1,083	1,292	1,557
46-50	1,387	1,655	1,997
51-55	1,856	2,216	2,674
56*	2,409	2,877	3,472
57*	2,590	3,093	3,733
58*	2,792	3,334	4,024
59*	3,016	3,602	4,348
60*	3,315	3,960	4,779
61*	3,587	4,284	5,171
62*	3,879	4,634	5,593
63*	4,194	5,010	6,047
64*	4,532	5,414	6,535
65*	4,896	5,848	7,060
66*	5,287	6,315	7,624
67*	5,706	6,817	8,230
68*	6,157	7,356	8,880
69*	6,641	7,934	9,578
70*	7,270	8,686	10,486
71*	7,797	9,315	11,246
72*	8,324	9,945	12,006
73*	8,851	10,575	12,767
74*	9,378	11,205	13,527
75*	9,905	11,834	14,288
76*	10,432	12,464	15,048
77*	10,959	13,094	15,809
78*	11,486	13,723	16,569
79*	12,013	14,353	17,329
80*	12,540	14,983	18,090
81*	13,067	15,613	18,850
82*	13,594	16,242	19,611
83*	14,121	16,872	20,371
84*	14,648	17,502	21,131

*Diguna pakai untuk pembaharuan sahaja.

Nota:

- 1) Kadar sumbangan di atas adalah untuk kelas pekerjaan 1 dan 2 sahaja.
- 2) Kadar sumbangan untuk kelas pekerjaan 3 dan 4 masing-masing adalah 1.25 kali ganda dan 1.5 kali ganda daripada kadar sumbangan yang ditunjukkan di atas.
- 3) Kadar sumbangan adalah tidak dijamin dan mungkin berbeza mengikut umur hari jadi berikutnya orang yang dilindungi pada pembaharuan sijil semasa.